

**D.R. 10/91**

**Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia**

**RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH-  
MAHKAMAH ANAK NEGERI  
(BIDANG KUASA JENAYAH) 1991**

**SUSUNAN FASAL**

Fasal

1. Tajuk ringkas.
2. Pemberian bidang kuasa jenayah.
3. Pengesahan.



## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk memberi mahkamah-mahkamah anak negeri bagi Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan.

[ ]

BAHAWASANYA, mengikut butiran 13 dalam Senarai II A Senarai Perundangan dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa mahkamah-mahkamah anak negeri bagi Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak hendaklah tidak termasuk bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan;

DAN BAHAWASANYA adalah suaimanfaat untuk memberi bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan kepada mahkamah-mahkamah anak negeri bagi Negeri-Negeri itu;

OLEH YANG DEMIKIAN, MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mahkamah-  
Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991. Tajuk  
ringkas
2. Mahkamah-mahkamah anak negeri yang ditubuhkan di Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis adalah dengan ini diberi bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan yang, di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis, boleh dihukum dengan Pernberian  
bidang kuasa  
jenayah

pemenjaraan selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau dengan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit atau dengan apa-apa kombinasinya, atau untuk selainnya memperlakukan pesalah mengikut apa-apa cara yang, di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang sedemikian, mereka boleh dari semasa ke semasa diberi kuasa untuk memperlakukannya:

*N.M.B.  
Bab 45.*

Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidak boleh dijalankan berkenaan dengan kesalahan tersebut yang adalah juga suatu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.

Pengesahan.

**3.** Semua kesalahan yang sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini telah dibicarakan oleh mana-mana mahkamah anak negeri yang disebut terdahulu hendaklah, kecuali jika ia telah diisyiharkan secara kehakiman selainnya, disifatkan telah dibicarakan dengan sah seolah-olah bidang kuasa berkenaan dengannya telah diberikan kepada mahkamah-mahkamah itu oleh undang-undang persekutuan.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini dibuat menurut butiran 13 Senarai IIA Senarai Perundangan dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan. Ia bertujuan untuk memberi mahkamah-mahkamah anak negeri dalam Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi dua ratus ringgit atau kedua-duanya. Walau bagaimana pun bidang kuasa tersebut tidak meliputi perbicaraan kesalahan-kesalahan yang adalah juga kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.

## *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1625.]